

Filem animasi tempatan dapat perhatian negara Asia

PUTRAJAYA 17 Mei - Sebuah syarikat berstatus MSC, Les' Copaque Production Sdn. Bhd. melakar sejarah baru dalam penerbitan filem animasi tempatan apabila produk sulung yang dihasilkan tahun lalu mendapat perhatian termasuk dari negara Asia.

Produk sulung syarikat terbabit bertajuk *Geng: Misteri Hantu Durian* mendapat perhatian kerajaan negeri Melaka yang mahukan supaya kemahiran dalam penghasilan filem animasi dikembangkan ke negeri itu bagi memberi peluang generasi muda menguasainya.

Menurut Pengarah Kreatif dan Pemasaran syarikat terbabit, Mohd. Nizam Abd. Razak, pihaknya telah dimaklumkan mengenai cadangan tersebut semasa Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam melawat pameran sempena Mesyuarat

Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia di sini hari ini.

"Kerajaan negeri Melaka bercadang untuk membawa teknologi ini (animasi) ke negeri berkenaan bagi melatih generasi muda dalam penghasilan filem animasi," katanya ketika ditemui di sini.

Menurut beliau, kerajaan negeri Melaka berminat mengembangkan teknologi tersebut memandangkan ia amat digemari golongan muda dan pada masa yang sama filem animasi tiga dimensi masih baru di negara ini.

Selain itu, pihaknya juga telah ditawarkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) supaya menghantar kertas cadangan bagi memohon dana untuk mengembangkan teknologi filem animasi sama ada dalam bentuk kerjasama atau sebaliknya.

Mohd. Nizam memberitahu, filem animasi tiga dimensi itu memaparkan kisah dua anak muda dari bandar yang ingin menghabiskan masa di kampung menikmati keenakan buah durian.

Kata beliau, dua watak utamanya, Badrul dan Lim berhadapan dengan misteri kehilangan durian di Kampung Durian Runtuh dan cuba mencari jalan menyelesaikan masalah tersebut.

Pertama

Beliau berkata, filem tersebut merupakan yang pertama seumpamanya di negara ini dihasilkan dalam bentuk tiga dimensi dan memakan masa tayangan selama 90 minit.

Filem yang dihasilkan menggunakan tenaga pakar seramai 23 orang itu menelan

belanja sebanyak RM4 juta.

"Angka ini boleh dikatakan rendah kerana bagi filem yang lebih kurang sama yang kami hasilkan boleh menelan belanja sehingga RM6 juta," ujarinya.

Penghasilan filem tersebut juga telah menarik minat syarikat China untuk mengadakan kerjasama menghasilkan filem animasi bercorak epik peperangan yang dijangka menelan belanja RM25 juta.

Bagaimanapun katanya, perkara tersebut belum dimuktamadkan kerana beberapa butiran perlu diperhalusi terlebih dahulu sebelum kerjasama tersebut diadakan sepenuhnya.

Syarikat terbabit yang beroperasi di Shah Alam dan ditubuhkan tahun lalu bercadang mengembangkan pasaran filem animasi di rantau Asia sebagai sebahagian perancangan jangka panjang.